

Kolam takungan banjir menanti mangsa

MELAKA - Masalah banjir yang sering melanda sese-tengah kawasan rendah memerlukan kolam takungan dibina bagi mengelakkan banjir daripada berlaku.

Lain pula kisahnya bagi penduduk Taman Krubong Jaya, Krubong di sini kerana kolam takungan yang dibina oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) di taman itu merisaukan mereka.

Kebimbangan mereka ada asasnya kerana kolam itu terletak terlalu hampir dengan kediaman kira-kira 10 meter dan tidak berpagar.

Tinjauan *Kosmo!* di situ semalam mendapati, terdapat beberapa kanak-kanak mengambil kesempatan mandi dan bermain di kolam berkenaan tanpa memikirkan keselamatan mereka.

Seorang penduduk, Mohd. Zamzam Mohd Isa, 42, berkata, kolam itu mula dibina awal Januari lalu dan siap baru-baru ini.

"Sepanjang pembinaan, tiada pagar dibina dan pemaju mengatakan pagar akan dibina sebaik kerja-kerja pembinaan kolam ini siap.

"Namun apabila siap, tiada pula pagar dibina dan hanya pita keselamatan di-



MUSTAFA (kiri) dan Mohd. Zamzam (tengah) menunjukkan kolam takungan banjir yang tidak mempunyai pagar dan membahayakan di Taman Krubong Jaya, Krubong, Melaka semalam.

pasang di sekeliling kolam," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Zamzam berkata, ketiadaan pagar membimbangkan penduduk terutama mereka yang mempunyai anak kecil.

"Rumah penduduk dan kolam ini hanya dipisahkan oleh sebatang jalan. Lagi pun ko-

lam ini bersebelahan padang.

"Kami bimbang kanak-kanak mungkin terjatuh ke dalam kolam ini dan lemas," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Taman Krubong Jaya Fasa 2, Mustafa Abdullah berkata, dia telah mengajukan

masalah itu kepada pemaju.

"Pemaju kata pagar akan dipasang dalam tempoh seminggu, namun penduduk berharap pagar dapat dipasang secepat mungkin.

"Ini bagi mengelakkan perkara tidak diingini berlaku sementara menunggu pagar dipasang," katanya.